

KOMPILASI SOALAN-SOALAN DARI APLIKASI *PIGEON HOLE* BAGI SESI LIBAT URUS STRATEGIK HASIL BERSAMA DENGAN INSTITUSI ORGANISASI TABUNG (IOT) TAHUN 2026 PADA 31 JULAI 2026

SENARAI TOPIK

1. UMUM
2. TABUNG WAKAF DAN ENDOWMEN 44(11D) ACP
3. TABUNG PENGURUSAN RUMAH IBADAT (TPRI)
4. TABUNG PEMBELIAN (TBS)/ PEMBINAAN SEKOLAH (TPS)/ TABUNG SUMBANGAN WANG AWAM SEKOLAH (TSWAS)
5. SUBSEKSYEN 44 (6B)/ 44(11C)/ 44(11B)/ MOF
6. MAKLUMAT POLISI BANTUAN KEWANGAN (FINANCIAL ASSISTANCE POLICY - FAP)
7. AKTIVITI
8. DASAR PELABURAN
9. SYARAT PERBELANJAAN OBJEKTIF, PENTADBIRAN DAN OPERASI
10. ASET
11. AUDIT
12. PELETAKAN JAWATAN DAN PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA/ AHLI LEMBAGA PENGARAH/ AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH (AJK/ALP/ALPA)
13. E-INVOIS
14. RESIT RASMI
15. E-DERMA

1. UMUM

Soalan 1: Dokumen perlu disimpan selama berapa tahun untuk semakan LHDN di bawah subseksyen 44(6)?

Jawapan: Tempoh penyimpanan dokumen adalah 7 tahun berdasarkan peruntukan semasa yang berkuatkuasa.

Soalan 2: Adakah duti setem juga dikenakan pada IOT yang menandatangani kontrak contohnya seperti *grant agreement* dan *scholarship agreement*?

Jawapan: Duti setem masih dikenakan mengikut Akta Duti Setem 1949 yang sedang berkuatkuasa.

Soalan 3: Adakah yayasan dibenarkan untuk menderma kepada tabung bina sekolah atau tabung sekolah untuk menambah baik pulih bangunan?

Jawapan: Yayasan perlu menjalankan aktiviti berdasarkan objektif diluluskan sahaja.

Soalan 4: Garis panduan menyatakan perlu memaklumkan kepada LHDN. (contohnya kelulusan MOF) untuk ke luar negara, perlu di e-mel kepada siapa?

Jawapan: IOT boleh mengemukakan maklumat kelulusan tersebut secara atas talian di portal HASiL.

Soalan 5: Adakan yayasan yang mempunyai objektif untuk membantu dalam pendidikan boleh menderma kepada sekolah atau PIBG untuk membantu murid sekolah dalam tuisyen/ program literasi dan sebagainya?

Jawapan: Sumbangan boleh diberikan kepada murid golongan B40 secara terus dan merekod butiran peribadi nama penerima manfaat tersebut. Aktiviti tersebut merupakan salah satu objektif IOT yang diluluskan.

Soalan 6: Adakah kelulusan subseksyen 44(6) ini juga melibatkan pelepasan cukai pendapatan ke atas IOT tersebut?

Jawapan: Ya, pelepasan cukai subseksyen 44(6) adalah kepada IOT dan pemberi sumbangan derma yang memberi maklumat lengkap di resit derma subseksyen 44(6).

Soalan 7: Jika sumbangan diberikan kepada wakil organisasi yang menguruskan edaran kepada penerima, adakah senarai penerima perlu *declare* organisasi atau penerima sebenar?

Jawapan: Ya, perlu dinyatakan nama wakil yang mengedarkan manfaat tersebut dan senarai nama penerima manfaat. Walaubagaimanapun, IOT dinasihatkan untuk memberikan terus bantuan kepada penerima manfaat bagi mengelakkan penyelewengan dana atau penerima manfaat tidak menerima bantuan tersebut.

Soalan 8: Bagaimana penderma boleh menyemak ketulenan kelulusan IOT yang masih sah dalam Portal HASiL?

Jawapan: Nama-nama IOT yang mendapat kelulusan akan dikemaskini dalam Portal HASiL.

Soalan 9: Bagi bantuan yang disediakan untuk keluarga miskin seperti membaiki rumah adakah perlu mendapatkan surat sokongan dari JKM? Jika individu yang menerima sumbangan, apakah surat sokongan yang diperlukan?

Jawapan: Tidak perlu namun perlu dipastikan penerima layak dibantu dan aktiviti tersebut selari dalam objektif yang diluluskan serta dokumen berkaitan kos pembaikan hendaklah disimpan. Bagi penerima individu, IOT perlu pastikan maklumat lengkap penerima bantuan disimpan bagi tujuan pengemukaan senarai penerima bantuan.

Soalan 10: Universiti ada wujudkan tabung OKU, adakah Universiti perlu mohon S44(6) untuk tabung ini walhal Universiti pun telah mendapat kelulusan S44(6)?

Jawapan: Kelulusan yang diberikan kepada Universiti adalah bagi tujuan objektif yang dinyatakan dalam Perlembagaan Universiti namun fakta yang lengkap perlu dikemukakan bagi tujuan pertimbangan yang berkenaan.

Soalan 11: Borang C (Syarikat) hantar kepada LHDN selepas 7 hingga 8 bulan penutupan akaun. Adakah Borang F juga boleh dihantar LHDN selepas 7 bulan penutupan akaun?

Jawapan: Borang F perlu dikemukakan kepada LHDN selewat-lewatnya pada 30 April bagi IOT yang tiada perniagaan atau 30 Jun bagi yang mempunyai perniagaan.

Soalan 12: Jika syarikat membuat derma kepada Pembangunan Sukan Sekolah, Pembangunan Sukan Daerah, adakah pihak syarikat layak mendapat pengecualian cukai?

Jawapan: Pihak syarikat layak mendapatkan pengecualian cukai sekiranya resit yang dikeluarkan adalah Resit KEW 38 (Resit Rasmi Kerajaan) atau Resit dengan kelulusan KPHDN.

Soalan 13: Bolehkah derma yang diterima dari program *fundraising* mendapat resit pengecualian cukai, contohnya yuran penyertaan aktiviti larian, jualan amal dan majlis makan malam?

Jawapan: Derma tunai hanya boleh diterima dengan mengeluarkan resit bagi sumbangan/ derma tunai yang diterima berasingan dari yuran penyertaan aktiviti larian amal/ jualan amal/ majlis makan malam.

Soalan 14: Kami pertubuhan kebajikan, bagaimana untuk mewujudkan tabung khas untuk pembelian tanah dan pembangunan premis baru?

Jawapan: Tiada peruntukan akta bagi tabung khas pembelian tanah dan bangunan bagi pertubuhan kebajikan.

Soalan 15: Yayasan diminta memohon kelulusan bagi perlaksanaan program namun tiada jawapan dari pihak LHDN sehingga tarikh perlaksanaan. Apakah tindakan dari pihak LHDN?

Jawapan: IOT dinasihatkan untuk memohon kelulusan lebih awal dengan maklumat program yang lengkap dan proses kelulusan tersebut adalah 60 hari bekerja.

Soalan 16: Apa beza IOT dengan TPRI?

Jawapan: IOT adalah singkatan kepada Institusi/ Organisasi/ Tabung manakala TPRI adalah Tabung Pengurusan Rumah Ibadat yang tertakluk kepada peruntukan 44(7)(c) ACP

Soalan 17: Bagaimana hendak menyemak ketelusan surat kebenaran atau kelulusan derma yang diberikan contohnya bagi Pembinaan Masjid. Pihak AJK masjid ada memberikan salinan kelulusan derma dari pihak LHDN

Jawapan: Semua IOT yang diluluskan akan disenaraikan di dalam Portal HASiL.

Soalan 18: Apakah faktor utama dinilai LHDN bagi kelulusan subseksyen 44(6) untuk yayasan bantuan keluarga miskin, mangsa banjir, pesakit kanser, dokumen sokongan diperlukan, dan adakah wajib daftar dengan JKM?

Jawapan: Warga miskin tidak diwajibkan berdaftar dengan JKM, tetapi adalah tanggungjawab IOT untuk menunjukkan bukti bahawa penerima manfaat adalah daripada golongan yang memerlukan. Surat sokongan daripada JKM adalah dokumen sokongan yang relevan untuk tujuan permohonan kelulusan

Soalan 19: Apakah kesan kalau permohonan lanjutan terlebih tarikh dari tamat tempoh kelulusan, walaupun masih dalam proses?

Jawapan: Sekiranya permohonan dibuat dalam tempoh yang dibenarkan dan IOT telah mematuhi syarat-syarat kelulusan, tarikh kelulusan baru akan bermula selepas tarikh tamat kelulusan sebelumnya.

Soalan 20: Kalau IOT buat "*Gift Agreement*" kepada Institusi luar negara bertujuan untuk *sponsorship* warganegara Malaysian B40/ M40 di bawah institusi tersebut, adakah ia dibenarkan? (Salah satu objektif IOT)

Jawapan: *Gift Agreement* adalah tidak dibenarkan.

Soalan 21: Sekiranya IOT telah mendapatkan kelulusan 44(6), perlukah organisasi mendapatkan juga kelulusan di bawah 44(7)?

Jawapan: Bagi permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(6), aktiviti/ objektif IOT mestilah selaras dengan subseksyen 44(7) bagi tujuan pertimbangan

Soalan 22: Adakah Hasil ada *website* khusus untuk penderma semak IOT yang diberi kelulusan? tujuan verifikasi

Jawapan: Ya. HASiL menyediakan kemudahan Semakan Kelulusan Derma di portal HASiL bagi menyemak sama ada sesuatu Institusi/ Organisasi/ Tabung (IOT) mempunyai kelulusan di bawah Subseksyen 44(6).

Soalan 23: Sekiranya pertubuhan sudah didaftarkan melalui eRoses, adakah masih perlu berdaftar dengan LHDN?

Jawapan: Ya. Pendaftaran ROS/ eROSES tidak menggantikan pendaftaran cukai dengan LHDN. Organisasi masih perlu mendapatkan nombor cukai (TIN) dan memenuhi keperluan LHDN jika berkenaan

Soalan 24: Apakah pandangan LHDNM kepada “gaji kepada pekerja sepenuh masa IOT”? Adakah gaji dibayar mengikut *market rate*?

Jawapan: LHDN membenarkan IOT menggaji pekerja sepenuh masa. Gaji hendaklah munasabah, berdasarkan tugas dan kadar pasaran serta tidak berlebihan sehingga menjejaskan pelaksanaan aktiviti/ objektif organisasi.

Soalan 25: Pertubuhan didaftarkan di bawah ROS dan dikawalselia oleh JKM. Justeru tiada no TIN, bagaimana mendapatkannya? Kami menerima geran dari JKM untuk elaun petugas, bolehkah dana tersebut dilabur?

Jawapan: IOT boleh memohon pendaftaran nombor cukai (TIN) melalui MYTAX. Tidak digalakkan melaburkan dana geran sekiranya geran tersebut diberikan khusus bagi tujuan pembayaran elaun petugas. Dana geran hendaklah digunakan mengikut tujuan dan syarat yang dinyatakan dalam surat kelulusan atau perjanjian geran dengan JKM. Dana geran JKM untuk elaun petugas tidak boleh dilaburkan sesuka hati

Soalan 26: LHDN ada membuat sesi soal jawab *live* di sosial media seperti tiktok? Mungkin lebih mudah untuk salurkan ilmu subseksyen 44(6) ini.

Jawapan: LHDN dari semasa ke semasa mengadakan webinar, seminar dan sesi penerangan melalui media sosial atau platform rasmi. Semak pengumuman rasmi HASiL

Soalan 27: Untuk IOT yang telah mendapat kelulusan sebelum Jun 2026, jika terdapat sebarang pemindaan ALP, aset dan lain-lain, bolehkah IOT mengemukakan dokumen tersebut atas talian atau perlu emel kepada LHDN?

Jawapan: Sebarang perubahan seperti Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALP), perlembagaan atau maklumat penting hendaklah dimaklumkan kepada LHDN secara online/ atas talian.

Soalan 28: Bolehkah sumbangan untuk perbelanjaan penganjuran seminar atau *fund raising dinner* dianggap sebagai derma di bawah subseksyen 44(6)?

Jawapan: Sumbangan tunai yang merupakan derma tanpa balasan atau manfaat kepada penyumbang boleh dianggap derma di bawah Subseksyen 44(6). Jika penyumbang menerima manfaat seperti jamuan makan malam, penyertaan seminar atau barangan, sumbangan tersebut tidak layak sebagai derma dan resit pengecualian cukai tidak boleh dikeluarkan.

Soalan 29: Adakah tarikh lanjutan kelulusan akan berturutan/ bersambungan selepas tarikh tamat tempoh 30 November 2025 iaitu (sekiranya lulus lanjutan : berkuatkuasa bermula 1 Disember 2025) atau sebaliknya?

Jawapan: Tarikh kuat kuasa lanjutan ditentukan oleh budibicara KPHDN berdasarkan tahap kepatuhan syarat-syarat kelulusan IOT dan permohonan lanjutan dibuat di dalam tempoh yang ditetapkan.

Soalan 30: Sekiranya tarikh lanjutan tidak berturutan/ bersambungan dengan tarikh kelulusan terdahulu, adakah penyumbang pada tarikh selepas 30 November 2025 tidak layak mendapatkan pengecualian cukai?

Jawapan: Ya. Hanya sumbangan dalam tempoh kelulusan yang berkuat kuasa layak diberikan resit potongan cukai.

Soalan 31: Dalam konteks Universiti, klausa 2.2 a, bantuan kecemasan kepada bukan warganegara, perlu kelulusan LHDN @ hanya memadai pemakluman kerana bantuan kecemasan kelazimannya perlu diuruskan segera?

Jawapan: Perlu mendapatkan kelulusan KPHDN terlebih dahulu untuk bantuan kepada bukan warganegara.

Soalan 32: Penyata Kewangan Beraudit Yayasan/ Pertubuhan yang ada perniagaan dikemukakan pada atau sebelum 30 Jun. Apakah kriteria Yayasan/ Pertubuhan yang dikatakan ada perniagaan?

Jawapan: IOT dianggap mempunyai perniagaan apabila menjalankan aktiviti perniagaan yang menghasilkan pendapatan dan tertakluk kepada subseksyen 44(7A) dan 44(7B) ACP.

Soalan 33: Bilakah laporan audit institusi (biasanya 31 Disember yang telah ditandatangani) perlu dihantar kepada LHDN?

Jawapan: Bagi pertubuhan yang mempunyai perniagaan: selewat-lewatnya 30 Jun tahun berikutnya. Jika tiada perniagaan: 30 April tahun berikutnya.

Soalan 34: E-mel atau no. tel bagi kami hubungi untuk pertanyaan

Jawapan: No tel:03-83138888 Bahagian Kelulusan Dan Pemantauan, Sektor Dasar Percukaian (SDP). E-mel kepada Pegawai Perhubungan Awam SDP En. Syaiful Ammar Bin Ahmad <syaifulammar@hasil.gov.my> dan Puan Siti Noor Amirah bt Mohd Azizi <nooramirah.m@hasil.gov.my>

Soalan 35: Permohonan untuk perubahan/ pindaan seperti pertukaran pengarah atau perlembagaan yayasan perlu dibuat melalui portal hasil atau e-derma mulai Jun 2026 atau Sept 2026

Jawapan: Untuk makluman, mulai 15 Jun 2026, sebarang keperluan permohonan/ pengemukaan/ penghantaran maklumat dan dokumen hendaklah menggunakan perkhidmatan atas talian melalui platform Portal HASiL. Sila pilih pindaan maklumat IOT

Soalan 36: Pusat dialisis yang ditubuhkan di bawah ROS, beroperasi selama 2 tahun, menanggung sepenuhnya pesakit dari semua bangsa. Adakah layak memohon subseksyen 44(6) di bawah kategori perenggan 44(7)(b)?

Jawapan: Permohonan boleh dikemukakan, namun kelulusan adalah tertakluk kepada kriteria dan syarat yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP Bagi Institusi/ Organisasi/ Tabung (IOT) bertarikh 23 Oktober 2025 dan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

Soalan 37: Mengapakah dokumen sokongan masih diperlukan untuk kes permohonan lanjutan?

Jawapan: Keperluan dokumen sokongan adalah penting untuk menjaga integriti kelulusan 44(6), kerana kelulusan ini memberi kesan kepada potongan cukai penderma dan pengecualian cukai kepada IOT. Dokumen sokongan masih diperlukan kerana permohonan lanjutan bukan kelulusan automatik. HASiL perlu membuat penilaian semula berdasarkan maklumat terkini untuk memastikan IOT masih aktif, masih menjalankan aktiviti yang selaras dengan objektif yang diluluskan, dan menggunakan dana mengikut tujuan/ aktiviti yang dibenarkan. Ini penting kerana kelulusan 44(6)

melibatkan insentif cukai, maka semakin berkala perlu dibuat bagi memastikan hanya IOT yang masih layak dan patuh terus diberi lanjutan kelulusan.

Soalan 38: Apa beza IOT berdaftar dengan SSM dan BHEUU?

Jawapan: SSM dan BHEUU ialah dua badan pendaftar yang berbeza. SSM biasanya melibatkan yayasan atau syarikat berhad menurut jaminan, manakala BHEUU melibatkan pemegang amanah atau yayasan amanah. Walaupun bentuk pendaftaran berbeza, syarat 44(6) tetap sama. IOT masih perlu membuktikan bahawa ia bukan organisasi berasaskan keuntungan, menjalankan aktiviti yang layak di bawah subseksyen 44(7), memberi manfaat kepada orang awam, mempunyai tadbir urus yang baik dan mematuhi syarat yang ditetapkan oleh KPHDN

Soalan 39: Berapa lamakah tempoh masa yang diambil untuk mendapatkan kelulusan subseksyen 44(6)?

Jawapan: Prosedur operasi standard bagi pemprosesan kelulusan subseksyen 44(6) ACP adalah 60 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap dikemukakan.

Soalan 40: Adakah derma yang diperolehi dari luar negara boleh mendapat pengecualian cukai?

Jawapan: Derma daripada luar negara boleh diterima oleh IOT yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6), dengan syarat derma tersebut adalah derma tunai, tidak bersyarat, bukan pinjaman, bukan bayaran timbal balik dan maklumat penderma adalah lengkap. Dari sudut penderma, resit 44(6) hanya memberi manfaat tolakan cukai dalam sistem percukaian Malaysia. Jadi, penderma luar negara hanya boleh menikmati tolakan cukai tersebut jika mempunyai pendapatan agregat yang dikenakan cukai di Malaysia.

Soalan 41: Bolehkan dana yang dikumpul didermakan kepada bukan warganegara yang tinggal di Malaysia?

Jawapan: Boleh, tetapi perlu memohon kelulusan KPHDN terlebih dahulu. Dana IOT pada asasnya adalah untuk manfaat rakyat Malaysia. Namun, bantuan boleh diperluaskan kepada bukan warganegara yang tinggal di Malaysia sekiranya mereka terjejas dan berada dalam kesusahan, tertakluk kepada kelulusan KPHDN dan pembuktian yang mencukupi.

Soalan 42: Selepas lulus subseksyen 44(6) ACP dan TIN sedia ada adalah C dan perlu ditukarkan kepada fail F selepas kelulusan. Boleh F tersebut boleh dikekalkan selepas tempoh kelulusan 44(6) telah tamat?

Jawapan: Setelah tempoh kelulusan tamat, fail F perlu ditukar semula kepada fail C.

Soalan 43: Apakah yang perlu dilakukan oleh IOT sekiranya penderma yang menderma melebihi RM20,000 tidak memberikan maklumat lengkap?

Jawapan: Sekiranya penderma tidak memberikan maklumat lengkap, resit potongan cukai di bawah subseksyen 44(6) ACP tidak boleh diberikan kepadanya.

Soalan 44: Kenapa ada tarikh tamat tempoh IOT sebagai institusi yang diluluskan? Adakah IOT perlu membuat pendaftaran semula selepas tamat tempoh? Sekiranya penderma derma dalam masa tersebut, layak tuntutan subseksyen 44(6)?

Jawapan: Kelulusan bertempoh adalah perlu bagi memastikan IOT mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan tidak tersasar dalam objektif dan aktiviti yang dijalankan. Setelah tamat tempoh, IOT boleh memohon lanjutan tempoh kelulusan 6 bulan sebelum tarikh tamat tempoh. Sekiranya penderma menderma dalam tempoh IOT tiada kelulusan (setelah tamat tempoh), penderma tidak layak mendapat resit potongan cukai di bawah subseksyen 44(6) ACP.

Soalan 45: Adakah IOT mendapat pengecualian daripada pembayaran SST? Adakah IOT perlu mengemukakan permohonan kepada LHDN?

Jawapan: SST adalah diluar bidang kuasa HASiL. IOT boleh merujuk kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Soalan 46: Boleh jelaskan maksud tabung dan tujuan tabung?

Jawapan: Tabung adalah satu alternatif sekiranya objektif institusi/ organisasi induk adalah terlalu luas dan tidak memenuhi subseksyen 44(7) ACP. Tabung boleh ditubuhkan oleh institusi/ organisasi induk dan merupakan entiti yang berasingan daripada induknya.

Soalan 47: Sekiranya ada sumbangan berbentuk barangan, bolehkah memohon pengecualian cukai di bawah mana-mana subseksyen ACP 1967?

Jawapan: Sumbangan berbentuk barangan boleh dituntut di bawah perenggan 34(6)(h) ACP 1967 atau 44(11C) ACP 1967 dengan permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Soalan 48: Bolehkah IOT memberikan pinjaman pendidikan kepada pelajar tanpa caj faedah?

Jawapan: IOT dibenarkan memberi pinjaman pendidikan tanpa faedah kepada pelajar mengikut objektif yang dinyatakan oleh IOT.

Soalan 49: Dalam garis panduan subseksyen 44(6), selepas menghantar BNCP, IOT perlu hantar penyata kewangan dan juga pengiraan cukai. Adakah dokumen ini perlu dihantar ke pejabat atau boleh secara digital? Tarikh hantar adakah sebelum 30 Jun?

Jawapan: Untuk makluman, mulai 15 Jun 2026, sebarang keperluan permohonan/ pengemukaan/ penghantaran maklumat dan dokumen hendaklah menggunakan perkhidmatan atas talian melalui platform Portal HASiL. Sila pilih pindaan maklumat IOT. Tarikh penghantaran dokumen adalah sebelum atau pada 30 Jun

Soalan 50: Sekiranya tarikh lanjutan tidak berturutan/ bersambungan dengan tarikh kelulusan terdahulu, adakah penyumbang yayasan pada tarikh selepas tamat tempoh kelulusan tidak layak mendapatkan pengecualian cukai?

Jawapan: Potongan cukai diberikan kepada penderma yang menderma kepada IOT yang diluluskan dalam tempoh kelulusan sahaja. Jika derma diterima setelah tempoh kelulusan telah tamat, potongan cukai tidak dibenarkan.

Soalan 51: Jika IOT mendapat lanjutan masa pada Dis 2025 dan perlu menghantar Lampiran A (Borang Semakan Pematuhan Kendiri) dalam tempoh 1 tahun, adakah borang tersebut boleh dihantar secara manual atau perlu melalui e-derma?

Jawapan: Untuk makluman, mulai 15 Jun 2026, sebarang keperluan permohonan/ pengemukaan/ penghantaran maklumat dan dokumen hendaklah menggunakan perkhidmatan atas talian melalui platform Portal HASiL. Sila pilih pengemukaan dokumen lain-lain IOT.

Soalan 52: Bolehkan Tabung menerima sumbangan daripada entiti pengasas? Jika boleh, adakah entiti pengasas boleh mendapat potongan cukai atas sumbangan?

Jawapan: Ya boleh, Tabung boleh menerima sumbangan daripada entiti pengasas dan resit potongan cukai boleh dikeluarkan kepada entiti pengasas bagi sumbangan yang dibuat. Namun kutipan sumbangan mestilah juga dibuat daripada orang awam dan korporat selain entiti pengasas. Walau bagaimanapun IOT tersebut perlu mematuhi perkara 5.13 seperti berikut:

i-perlu membuat hebahan status kelulusan KPHDN kepada orang awam; dan
ii-memperjelaskan secara terperinci tujuan dan penggunaan dana terkumpul dalam penyata kewangan beraudit setiap tahun.

Soalan 53: Syarikat seperti McDonalds dan beberapa kedai runcit mengumpul sumbangan tunai daripada orang ramai. Jika mereka merekodkan sumbangan yang dikumpul dalam buku, adakah sumbangan itu dikenakan cukai pendapatan?

Jawapan: Derma yang dikutip daripada kedai runcit atau restoran boleh dikenakan cukai pendapatan sekiranya organisasi tiada kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967

Soalan 54: Bagaimana IOT yang sumber dananya daripada pengasas membuat hebahan awam? Adakah melalui *website* IOT?

Jawapan: Hebahan awam sumber dana daripada pengasas boleh dilakukan melalui laman web/ media sosial IOT dan laporan tahunan (penyata kewangan beraudit).

Soalan 55: Syarikat ada membuat derma kepada sekolah-sekolah, kolej, masjid-masjid dan juga pelajar. Derma tersebut ada dalam bentuk buku dan ada juga duit. Macam mana pihak syarikat nak dapatkan pengurangan cukai?

Jawapan: Syarikat perlu memastikan sekolah, kolej, masjid mendapat pengecualian cukai di bawah SS 44(6) terlebih dahulu dan hanya derma berbentuk tunai sahaja layak mendapat potongan cukai/ resit derma.

Soalan 56: Adakah derma dalam bentuk barangan layak untuk mendapat resit derma di bawah subseksyen 44(6)? Contohnya penderma menderma mesin sebagai ganti derma tunai.

Jawapan: Hanya derma TUNAI sahaja boleh dikeluarkan resit pengecualian cukai di bawah SS44(6) ACP.

Soalan 57: Apakah maksud tubuhkan 'tabung'? Penubuhan di SSM, BHEUU atau ditubuhkan melalui pembukaan akaun di bank sahaja? Boleh jelaskan

Jawapan: Penubuhan tabung biasanya dicadangkan kepada IOT yang membuat permohonan dan terdapat objektif yang tidak selaras dengan ss44(6) dan SS44(7). Oleh itu IOT dicadangkan untuk

menubuhkan tabung dengan menjalankan hanya objektif yang selaras dengan SS44(7) sahaja. Apabila IOT menubuhkan tabung, ianya adalah entiti yang berbeza dengan IO yang menubuhkan tabung dan perlu mempunyai penyata kewangan dan akaun bank yang berbeza daripada IO tersebut.

Soalan 58: Kami menerima kelulusan bersyarat SS44(6) LHDN selama 3 tahun. Bagaimanakah proses pembaharuan (*renewal*) dilakukan, bila perlu memohon, dan apakah dokumen utama yang diperlukan?

Jawapan: Permohonan boleh dibuat 6 bulan sebelum kelulusan tamat dan untuk senarai dokumen IOT boleh merujuk kepada senarai semak di lampiran dalam Garis Panduan Permohonan Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP bertarikh 23 Oktober 2025 dan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

Soalan 59: Sekiranya IOT menerima sumbangan dari IPTS dan ingin menggunakan semula sumbangan tersebut untuk penerima manfaat (pelajar dari IPTS yang sama) adakah ianya melanggar garis panduan 44(6)?

Jawapan: IPTS yang menyumbang tidak boleh meletakkan sebarang syarat untuk penerima manfaat. Penerima manfaat ditentukan oleh IOT dan ianya perlu selaras dengan objektif yang diluluskan.

Soalan 60: Jika kelulusan untuk bantuan kewangan dan keperluan hidup (*underprivileged*), adakah sumbangan keperluan kanak-kanak orang asli dikira bawah kategori tersebut?

Jawapan: IOT perlu merujuk kepada objektif yang diluluskan dan sekiranya sumbangan kepada orang asli yang memerlukan bantuan kebajikan dan pendidikan termasuk dalam objektif ianya boleh diteruskan.

Soalan 61: Berapa peratus pengecualian cukai yang biasanya akan diperolehi oleh sebuah yayasan/ organisasi yang diluluskan LHDN di bawah subseksyen 44(6)? Apa faktor penentu peratusan tersebut?

Jawapan: Semua pendapatan yang diterima oleh IOT akan dikecualikan cukai.

Soalan 62: Jika AJK yang menjaga tabung membuat bayaran menggunakan duit sendiri untuk membayar *audit fee*, adakah ini dikira derma?

Jawapan: Bayaran ini tidak dikira sebagai sumbangan derma, melainkan AJK menyumbang kepada tabung. Untuk bayaran kepada *audit fee* adalah diuruskan oleh pengurusan tabung.

Soalan 63: Perlukah sumbangan S44(6) oleh Universiti awam, diwujudkan tabung sumbangan supaya boleh nampak aliran keluar masuk sumbangan mengikut objektif?

Jawapan: Tidak semestinya, bergantung kepada pengurusan dalaman setiap Universiti Awam

Soalan 64: Boleh *share* slaid pembentangan hari ini? Sebagai rujukan. Terima kasih 😊

Jawapan: Slide akan dikongsikan setelah kesemua taklimat selesai dijalankan di 6 Zon Negeri yang terlibat.

Soalan 65: Bagaimana cara untuk memastikan agar IOT tidak dikenakan cukai/ tarik balik kelulusan jika tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan di bawah subseksyen 44(6) ACP?

Jawapan: IOT perlu memastikan semua syarat-syarat kelulusan dipatuhi sepenuhnya.

Soalan 66: Perlukah organisasi yang melantik pihak ketiga untuk mencari penderma memasukkan maklumat setiap individu/ penderma dalam sistem akaun memandangkan duit yang masuk dalam bulk?

Jawapan: Perlu.

Soalan 67: Adakah IOT perlu setem perjanjian yang ditandatangani dengan pihak lain seperti perjanjian geran, perjanjian biasiswa? Jika ya, bolehkah Kerajaan mempertimbangkan memberikan duti setem kepada subseksyen 44(6) IOT?

Jawapan: Perjanjian perlu disetemkan.

Soalan 68: Adakah LHDNM menetapkan peratusan dalam menentukan sumbangan yang diterima daripada Awam berbanding sumbangan daripada syarikat berkaitan kerana IOT tidak aktif mencari dana daripada Awam.

Jawapan: Tiada sebarang peratusan ditetapkan oleh LHDNM dalam kutipan sumbangan daripada orang awam atau syarikat korporat. IOT hendaklah menjalankan aktiviti kutipan dana daripada orang awam dan syarikat korporat.

Soalan 69: Adakah perjanjian antara penderma dan IOT dibenarkan jika bagi tujuan tadbir urus derma yang lebih baik & telus, terutama sumbangan dalam amaun besar? Dan resit pengecualian cukai boleh dikeluarkan?

Jawapan: Derma atau hadiah wang tidak boleh tertakluk kepada urusan timbal balik atau pertukaran manfaat antara IOT dan penderma/ penyumbang. Sekiranya ada perjanjian, resit tidak boleh dikeluarkan.

Soalan 70: Sejauh mana dokumen yang dikemukakan menentukan lanjutan tempoh kelulusan kerana kami dapat 2 tahun, 5 tahun. Dan maksima berapa tahun?

Jawapan: Tempoh kelulusan yang diberikan adalah bergantung kepada budi bicara KPHDN dan audit pematuan LHDNM. Had tempoh kelulusan boleh rujuk Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP Bagi Institusi/ Organisasi/ Tabung (IOT) bertarikh 23 Oktober 2025 dan kenyataan media yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

Soalan 71: Adakah terdapat lanjutan masa untuk hantar Borang TA bawah subseksyen 44(6)?

Jawapan: Kemukakan permohonan lanjutan penghantaran Borang TA kepada Pejabat HASiL yang mengendalikan fail cukai pendapatan

Soalan 72: Apakah dokumen atau butiran yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan untuk meminda Surat Ikatan Amanah?

Jawapan: Surat rasmi permohonan, minit mesyuarat, perbandingan pindaan dan asal serta dokumen Surat Ikatan Amanah Asal dan Tambahan.

Soalan 73: Sekiranya terdapat teguran daripada SSM berkenaan pindaan perlembagaan yang telah diluluskan oleh LHDNM, apakah yang perlu dilakukan oleh IOT?

Jawapan: Sekiranya terdapat teguran daripada SSM secara bertulis, boleh kemukakan teguran tersebut kepada HASiL untuk dinilai dan dipertimbangkan bagi membolehkan syarat HASiL dan SSM dipatuhi.

2. TABUNG WAKAF DAN ENDOWMEN 44(11D) ACP

Soalan 1: Boleh terangkan sedikit berkenaan wakaf/endowment, siapa yang boleh memohon dan cara memohon

Jawapan: Rujuk garis panduan permohonan untuk kelulusan KPHDN bagi Wakaf bertarikh 07.07.2026 dan Endowmen bertarikh 01.07.2026.

3. TABUNG PENGURUSAN RUMAH IBADAT (TPRI)

Soalan 1: Adakah sumbangan TPRI boleh digunakan untuk lawatan ke luar negara, contohnya bagi tujuan pembelajaran, latihan lanjutan, atau penyertaan pastor/ pendeta dalam seminar atau persidangan di luar negara?

Jawapan: Dana TPRI tidak dibenarkan untuk kegunaan lawatan, latihan dan penyertaan aktiviti dalam serta luar negara. Perbelanjaan yang dibenarkan oleh TPRI telah disenaraikan di dalam Garis Panduan Kelulusan untuk TPRI bertarikh 16 Julai 2026.

Soalan 2: Selain sambutan ulang tahun gereja & kem keluarga, adakah sumbangan menampung kos program lain yang dianjurkan oleh gereja, seperti kem penginjalan, kem pembinaan rohani, seminar atau retret benarkan?

Jawapan: Soalan tidak menyatakan jenis kelulusan. Sekiranya kelulusan Tabung Pengurusan rumah Ibadah, perbelanjaan dibenarkan boleh dirujuk di dalam Garis Panduan Kelulusan di bawah subseksyen 44(6) bagi Tabung Pengurusan Rumah Ibadah (TPRI).

Soalan 3: Adakah sumbangan TPRI boleh digunakan untuk membiayai pelajar teologi, termasuk semua perbelanjaan seperti yuran pengajian, makan minum, penginapan, pengangkutan? Kalau elaun pelatih (intern) teologi bolehkah?

Jawapan: Tidak dibenarkan.

Soalan 4: Sumbangan TPRI boleh digunakan untuk belanja ubah suai yang tidak melibatkan perubahan struktur bangunan rumah ibadat. Bolehkah memberikan beberapa contoh kerja ubah suai kategori ini?

Jawapan: Contohnya perbelanjaan ubah suai yang dibenarkan adalah memperbaiki bumbung, tingkap, jubin dan lain-lain yang seumpamanya dan tidak mengubah perubahan struktur bangunan rumah ibadat.

4. TABUNG PEMBELIAN (TBS)/ PEMBINAAN SEKOLAH (TPS)/ TABUNG SUMBANGAN WANG AWAM SEKOLAH (TSWAS)

Soalan 1: Bagi sekolah tahfiz pengecualian cukai boleh dimohon atau tidak sekiranya objektif adalah bertujuan untuk operasi sekolah tahfiz sahaja?

Jawapan: Sekolah Tahfiz tidak layak untuk memohon kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP kerana tidak diklasifikasikan sebagai institusi/ organisasi layak di bawah subseksyen 44(7) ACP. Walau bagaimanapun, sekolah boleh memohon di bawah Tabung Sumbangan Wang Awam Sekolah, Tabung Pembinaan Sekolah dan Tabung Pembelian Sekolah Agama.

Soalan 2: Kalau PIBG sekolah dibawa kategori apa?

Jawapan: PIBG tidak layak memohon mana-mana pengecualian cukai. Walau bagaimanapun, sekolah boleh memohon di bawah Tabung Sumbangan Wang Awam Sekolah, Tabung Pembinaan Sekolah dan Tabung Pembelian Sekolah Agama.

5. SUBSEKSYEN 44 (6B)/ 44(11C)/ 44(11B)/ MOF

Soalan 1: Permohonan di bawah subseksyen 44(6B) atau 44(11C) adakah perlu mendapatkan sokongan atau kelulusan daripada LHDN terlebih dahulu sebelum ke MOF?

Jawapan: Bagi kelulusan di bawah subseksyen 44(6B) pengemukakan hanya boleh dikemukakan kepada MOF jika melibatkan permohonan yang ditolak oleh LHDN. Manakala bagi kelulusan di bawah subseksyen 44(11C), permohonan boleh terus dikemukakan kepada MOF tanpa perlu surat sokongan atau kelulusan LHDN.

Soalan 2: Bagaimana cara IOT membuat rayuan sekiranya permohonan di bawah subseksyen 44(6) ACP ditolak oleh KPHDN?

Jawapan: Sekiranya permohonan IOT telah ditolak untuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP, permohonan boleh dikemukakan kepada MOF untuk pertimbangan kelulusan Menteri Kewangan di bawah kelulusan subseksyen 44(6B) ACP.

Soalan 3: Adakah IOT boleh memohon kelulusan subseksyen 44(11C) selepas memperoleh S44(6)?

Jawapan: Kelulusan di bawah subseksyen 44(11C) ACP adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan syarat berkaitannya adalah ditentukan oleh Kementerian Kewangan.

Soalan 4: Setiap tahun universiti awam ada menganjurkan sukan pelajar yang melibat 20 universiti awam, bolehkah universiti awam memohon pengecualian cukai subseksyen 44(11B) untuk sukan bagi tempoh tertentu untuk sukan?

Jawapan: Rujuk Kementerian Kewangan Malaysia bagi permohonan di bawah subseksyen 44(11B) ACP

6. MAKLUMAT POLISI BANTUAN KEWANGAN (FINANCIAL ASSISTANCE POLICY - FAP)

Soalan 1: Jika IOT mengenakan yuran pendaftaran minimum seperti RM10-20 untuk menggalakkan kehadiran, adakah kita perlu kemukakan FAP?

Jawapan: Ya

Soalan 2: Adakah maklumat polisi bantuan kewangan di Lampiran A-2 perlu disediakan bagi pusat dialisis yang memberikan rawatan dialisis secara percuma sepenuhnya kepada semua pesakit?

Jawapan: Pusat dialisis yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP dan berobjektifkan perkhidmatan percuma kepada pesakit yang memerlukan tidak perlu mengemukakan FAP, tetapi sekiranya pusat dialisis mengenakan bayaran kepada pesakit, FAP perlu dikemukakan.

Soalan 3: Adakah FAP (polisi bantuan kewangan) pada kadar 20% lebih rendah perlu mendapatkan rujukan dari pihak LHDNM?

Jawapan: Ya. FAP yang lengkap dan komprehensif perlu dikemukakan kepada KPHDN untuk kelulusan.

7. AKTIVITI

Soalan 1: Adakah aktiviti pelajar di luar negara perlu di mohon terlebih dahulu?

Jawapan: Aktiviti luar negara perlu dimohon terlebih dahulu dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Selain itu, pertubuhan juga perlu memastikan aktiviti yang dijalankan tersebut ada di dalam objektif perlembagaan pertubuhan.

Soalan 2: Persatuan telah mencatat aktiviti yang telah dijalankan. Adakah rekod ini perlu dikemukakan kepada LHDNM?

Jawapan: Ya, perlu. Rujuk perenggan 5.14 Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP Bagi Institusi/ Organisasi/ Tabung (IOT) bertarikh 23 Oktober 2025 dan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

Soalan 3: Adakah *charity run* boleh dijalankan oleh IOT (dengan menjual *merchandise*, baju, piala dan duit pendaftaran tersebut 100% dimasukkan ke dalam tabung)?

Jawapan: IOT perlu membuat permohonan bagi aktiviti kutipan dana. *Charity Run* dan penjualan *merchandise* dibenarkan. Namun perlu memastikan perkara berikut:

- i) Resit kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP tidak boleh dikeluarkan bagi bayaran yuran penyertaan, sumbangan dalam bentuk barangan dan pembelian produk. Pembeli juga tidak boleh menggunakannya bagi tujuan potongan cukai di bawah subseksyen 44(6) ACP semasa pengiraan cukai. Resit hanya boleh dikeluarkan kepada derma/ sumbangan wang tunai tanpa balasan sahaja;
 - ii) aktiviti kutipan dana dan belanja berkaitannya perlulah munasabah agar tidak mendatangkan kerugian kepada IOT;
 - iii) dana yang dikumpul daripada aktiviti amal ini perlu dimasukkan semula ke dalam akaun IOT untuk melaksanakan aktiviti yang diluluskan; dan
 - iv) rekod dan dokumen yang berkaitan penerimaan dan perbelanjaan dalam melaksanakan aktiviti kutipan dana perlu disimpan bagi tujuan semakan pematuhan kelak.
-

8. DASAR PELABURAN

Soalan 1: Adakah IOT perlu kelulusan daripada LHDNM sekiranya membuat pelaburan?

Jawapan: Tidak perlu kelulusan pihak LHDNM tetapi perlu mematuhi dasar pelaburan di Lampiran B

9. SYARAT PERBELANJAAN OBJEKTIF, PENTADBIRAN DAN OPERASI

Soalan 1: Sekiranya IOT menerima dan membelanjakan bagi aktiviti yang bukan objektif IOT, bagaimana layanan cukai terhadap pendapatan dan perbelajaan ini? Ini bagi memastikan IOT dapat membuat layanan cukai yang sebetulnya.

Jawapan: IOT perlu memastikan perbelanjaan digunakan untuk pelaksanaan objektif yang diluluskan sahaja. Sekiranya IOT membelanjakan bagi aktiviti selain daripada objektif, ia merupakan pelanggaran syarat oleh IOT dan boleh dikenakan cukai.

Soalan 2: Sekiranya perbelanjaan pengurusan IOT melebihi 20%, adakah permohonan lanjutan terus ditolak? Memandangkan perbelanjaan pengurusan melibatkan pembayaran audit dan sebagainya

Jawapan: Sebarang pelanggaran syarat akan mempengaruhi pertimbangan ke atas permohonan lanjutan tempoh IOT termasuk syarat perbelanjaan operasi dan pentadbiran.

Soalan 3: Kos pengurusan sebanyak 20% adalah dikira daripada jumlah kutipan derma atau 20% daripada jumlah kos pengurusan?

Jawapan: Kos pengurusan dan pentadbiran adalah terhad kepada 20% daripada jumlah pendapatan tahun terdahulu.

Soalan 4: Sekiranya tahun lepas amaun derma yang diterima agak tinggi, organisasi tidak sempat untuk membelanjakan sekurang-kurangnya 50% pada tahun ini, apa yang kami patut lakukan?

Jawapan: IOT sepatutnya membelanjakan sekurang-kurangnya 50% perbelanjaan. Jika tidak patuh, ianya adalah merupakan pelanggaran syarat kelulusan.

Soalan 5: Had perbelanjaan operasi IOT adalah 20% pendapatan tahun sebelumnya. Bagaimana sekiranya IOT adalah badan kebajikan yang mempunyai jumlah pendapatan yang tidak tetap?

Jawapan: Had 20% tetap dikira berdasarkan jumlah pendapatan sebenar tahun terdahulu.

Soalan 6: Apakah perbelanjaan khusus yang termasuk & dikecualikan dari had 20%? Adakah gaji staf lapangan/ operasi dikira kos pengurusan?

Jawapan: Had 20% merujuk kepada belanja operasi dan pentadbiran IOT. Ia perlu diasingkan daripada belanja objektif, iaitu perbelanjaan langsung untuk melaksanakan objektif yang telah diluluskan. Contoh perbelanjaan yang biasanya termasuk dalam had 20% ialah kos pentadbiran pejabat, sewaan, utiliti, telefon, alat tulis, percetakan, kos mesyuarat, audit, perakaunan, yuran

profesional berkaitan pentadbiran, perjalanan pentadbiran, penyelenggaraan pejabat, serta gaji kakitangan pentadbiran dan operasi umum IOT. Walaubagaimana pun, belanja susut nilai, belanja modal dan lain-lain tidak boleh diambil kira sebagai belanja objektif.

Perbelanjaan yang tidak tertakluk kepada had 20% pula ialah belanja objektif, iaitu perbelanjaan langsung untuk mencapai objektif yang diluluskan. Contohnya bantuan kepada golongan miskin, bantuan bil perubatan, biasiswa, program kebajikan, bantuan makanan dan lain-lain (rujuk kepada objektif)

Kesimpulannya, tidak semua gaji staf automatik dikira sebagai kos pengurusan. Jika staf menjalankan kerja pentadbiran, pengurusan pejabat atau operasi umum IOT, ia tertakluk kepada had 20%. Tetapi jika staf tersebut melaksanakan aktiviti objektif secara langsung kepada penerima manfaat, gaji tersebut boleh dipertimbangkan sebagai belanja objektif, dengan syarat ada bukti seperti surat lantikan, skop tugas, rekod kerja, senarai program/ penerima manfaat dan bayaran yang munasabah.

Soalan 7: IOT perlu membelanjakan 50% atau lebih pendapatan terkumpul. Adakah % belanja ini hanya mengambil kira pendapatan tahun semasa atau jumlah pendapatan tahun semasa + baki pendapatan terkumpul tahun sebelum?

Jawapan: IOT perlu membelanjakan sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu untuk memenuhi belanja objektifnya. 50% tersebut adalah di ambil kira berdasarkan jumlah pendapatan tahun sebelum IOT.

Soalan 8: Apa impak kepada syarikat berstatus 44(6) kalau belanja operasi dan pentadbiran lebih 20%?

Jawapan: IOT yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 perlu mematuhi syarat belanja operasi dan pentadbiran tidak melebihi 20%. IOT boleh dikenakan cukai dan ditarik balik kelulusan sekiranya melanggar syarat kelulusan.

Soalan 9: Belanja susutnilai adalah termasuk dalam syarat 20%. Namun ianya tidak melibatkan aliran kewangan. Jika belanja susutnilai adalah 26% daripada keseluruhan 20%, ianya amat menekan belanja operasi lain

Jawapan: Belanja susut nilai tidak dikira dalam perbelanjaan objektif serta perbelanjaan operasi & pentadbiran. Nilai tersebut adalah merupakan suatu nilai peruntukan.

Soalan 10: Dalam Garis Panduan, perenggan 5.10.1 merangkumi kriteria perbelanjaan untuk IO Sahaja. Adakah ia juga terpakai untuk Tabung? Contohnya: 5.10.1 (c) dan (d) tidak disenaraikan dalam 5.10.2 untuk Tabung.

Jawapan: Perenggan 5.10.1 secara automatik tidak terpakai kepada Tabung kerana ia khusus untuk Institusi dan Organisasi (IO). Di bawah perenggan 5.10.2, Tabung mesti membelanjakan sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan tahun sebelumnya untuk aktiviti bagi mencapai objektif Tabung. Tabung tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dan perbelanjaan berkaitan Tabung sahaja yang dibenarkan tolakan di dalam penyata kewangan beraudit. Manakala, perbelanjaan IO tidak dibenarkan dan mesti dibuat di dalam akaun berasingan. Walaubagaimanapun perbelanjaan operasi dan pentadbiran 20% dalam 5.10.1(c) tidak dinyatakan secara khusus untuk Tabung, perbelanjaan Tabung masih perlu berkait secara langsung dan selaras dengan objektif Tabung yang diluluskan.

10. ASET

Soalan 1: Senarai aset yang perlu dikemukakan, adakah aset yang dibeli menggunakan duit sumbangan atau derma S44(6) sahaja?

Jawapan: Senarai aset mestilah merangkumi maklumat pembelian aset tanpa mengira kategori pendapatan sama ada derma atau lain-lain pendapatan.

Soalan 2: Adakah wang derma boleh digunakan untuk membeli atau menyewa pejabat dan Gudang/ Kilang untuk kembangkan operasi di negeri lain?

Jawapan: Boleh, tetapi perlu mendapatkan kelulusan LHDN terlebih dahulu

Soalan 3: Adakah aset seperti *handphone* baharu yang dibeli perlu dimaklumkan pembeliaannya dan diberikan justifikasi untuk melancarkan operasi dan kerja pemasaran?

Jawapan: Sekiranya kos terlibat adalah RM 20,000 dan ke atas, ianya perlu mendapat kelulusan KPHDN sebelum pemerolehan aset. Rujuk perenggan 5.8 Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP Bagi Institusi/ Organisasi/ Tabung (IOT) bertarikh 23 Oktober 2025 dan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

Soalan 4: Bagi universiti, pembelian dan pelupusan aset diuruskan oleh PTJ sendiri dan tidak melalui pegawai yang menguruskan pengecualian cukai. Adakah perlu untuk memohon kebenaran atau cukup dengan pemakluman sahaja?

Jawapan: Permohonan kelulusan secara bertulis perlu dibuat kepada KPHDN terlebih dahulu. Sila rujuk perenggan 5.8 Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP Bagi Institusi/ Organisasi/ Tabung (IOT) bertarikh 23 Oktober 2025 dan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

Soalan 5: Adakah pembelian ambulans dan mesin dialisis sebagai aset memerlukan kelulusan LHDN di bawah subseksyen 44(6) (bagi organisasi yang menjalankan perkhidmatan ambulans dan dialisis)?

Jawapan: Ya, kelulusan KPHDN adalah diperlukan bagi pembelian ambulans dan mesin dialisis.

Soalan 6: Adakah semua pembelian serta pelupusan aset perlu mendapat kelulusan dan adakah terdapat had bagi nilai aset tersebut? Bagaimana dengan kos ubahsuai premis/ pejabat?

Jawapan: Bagi pelupusan aset IOT boleh merujuk kepada Perenggan 5, Garis Panduan Permohonan Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP bertarikh 23 Oktober 2025 yang boleh di akses di Portal HASiL. Bagi pembelian lekapan, peralatan pejabat, peralatan komputer bernilai RM20,000 ke atas perlu mengemukakan permohonan kepada KPHDN, manakala lain-lain aset setiap transaksi perlu memohon kelulusan KPHDN. Bagi pengubahsuaian juga setiap transaksi perlu mendapat kelulusan KPHDN.

Soalan 7: Adakah kos *overhead* tetap (sewa & utiliti ibu pejabat) termasuk dalam had belanja pentadbiran 20% jika premis diguna untuk projek?

Jawapan: Ya, kos sewa dan utiliti pejabat adalah termasuk dalam had belanja pentadbiran 20%.

11. AUDIT

Soalan 1: Adakah sebarang sekatan di bawah subseksyen 44(6) ke atas organisasi yang diluluskan untuk memasuki perjanjian pengurusan atau perkhidmatan dengan pihak berkaitan? Apa yang akan menjadi tumpuan LHDN semasa audit?

Jawapan: Tiada sekatan khusus yang dinyatakan tetapi LHDN akan menilai permohonan kes berdasarkan situasi kes yang diterima bagi tujuan pengurusan atau perjanjian perkhidmatan antara organisasi dan pihak berkaitan. Semua dokumen perjanjian dan transaksi perlu disediakan dengan lengkap untuk semakan proses audit nanti.

12. PELETAKAN JAWATAN DAN PELANTIKAN AJK/ ALP/ ALPA

Soalan 1: Bolehkah AJK induk berbeza dengan AJK Tabung Pembinaan Rumah Ibadat?

Jawapan: Dibenarkan. Syarat pelantikan AJK Tabung Pembinaan Rumah Ibadat mestilah lebih 50% terdiri daripada orang luar.

Soalan 2: Adakah tempoh yang lama dalam menunggu proses lantikan seorang lagi ALP bagi IOT akan menjejaskan status kelulusan terdahulu (iaitu masih dalam status layak untuk memohon lanjutan kelulusan)?

Jawapan: Lantikan ALP perlu dibuat dengan segera, supaya syarat komposisi ALP boleh dipatuhi, dan tidak menjejaskan status kelulusan.

Soalan 3: Berapa lamakah tempoh diambil untuk keputusan kelulusan lanjutan setelah selesai lantikan seorang lagi ALP?

Jawapan: Tiada tempoh khusus dalam garis panduan. Permohonan dipertimbangkan 60 hari bekerja berdasarkan dokumen lengkap diterima.

Soalan 4: Adakah setiap kali pertukaran ALP perlu mendapatkan kelulusan LHDN dahulu, baru boleh diteruskan?

Jawapan: Ya, sebarang perubahan kepada komposisi ALP perlu mendapatkan kelulusan LHDN terlebih dahulu sebagaimana syarat kelulusan yang ditetapkan.

13. E-INVOIS

Soalan 1: Selepas yayasan diluluskan 44(6), adakah wajib keluaran e-Invois bagi setiap derma, bila tarikh mula pelaksanaan untuk yayasan, dan jika ya apakah *threshold* nilai ditetapkan untuk e-Invois?

Jawapan: Penjelasan lanjut boleh merujuk Perenggan 4.10 Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP Bagi Institusi/ Organisasi/ Tabung (IOT) bertarikh 23 Oktober 2025 dan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa berhubung kewajipan pengeluaran e-Invois, permulaan tempoh pelaksanaan dan nilai ambang yang ditetapkan bagi pelaksanaan e-Invois.

Soalan 2: Jika IOT menerima sumbangan melalui aplikasi dan direkodkan berdasarkan penyata bank bulanan, bolehkah IOT mengeluarkan e-Invois bersatu berdasarkan tarikh jumlah direkodkan?

Jawapan: IOT boleh kemukakan e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) disebabkan tiada maklumat lengkap daripada penderma dan penderma tidak boleh menuntut potongan cukai terhadap derma tersebut.

Bagi penderma yang tidak mengemukakan maklumat lengkap, IOT perlu menjumlahkan semua transaksi penerimaan derma atau hadiah wang tersebut secara bulanan dan menghantar e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.

Soalan 3: Adakah IOT (khususnya Tabung), perlu melaksanakan e-Invois?

Jawapan: Tertakluk kepada garis masa pelaksanaan e-Invois.

Soalan 4: Jika sumbangan dibuat pada malam 31 Dis 2026, e-Invois bertarikh 04 Jan 27 (1-3 adalah cuti), bolehkah penderma masih menuntut potongan cukai pada 2026?

Jawapan: Tidak boleh kerana tarikh e-Invois menunjukkan derma diberikan dalam tahun 2027, melainkan pemberi derma boleh membuktikan bahawa derma dilakukan dalam tahun 2026

Soalan 5: Kami telah mengeluarkan e-Invois bagi setiap sumbangan diterima daripada setiap penyumbang. Adakah kami masih dikehendaki mengeluarkan resit rasmi (sama ada dalam bentuk fizikal atau elektronik)?

Jawapan: Tidak perlu jika penderma meminta dan telah diberikan e-Invois. Jika tidak meminta e-Invois, resit rasmi 44(6) masih perlu dikeluarkan.

Soalan 6: Bolehkah nombor *tax exempt* resit sama dengan nombor invois?

Jawapan: No. rujukan resit *preprinted* dengan no. invois mestilah berbeza untuk mengelakkan sebarang kekeliruan.

Soalan 7: RM20K ke atas mesti keluaran e-Invois. Macam mana nak keluaran e-Invois individu tanpa butiran?

Jawapan: Bagi penderma yang tidak mengemukakan maklumat lengkap, IOT perlu menjumlahkan semua transaksi penerimaan derma secara bulanan dan menghantar e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.

Soalan 8: Resit manual ada nyatakan tempoh kelulusan, tapi bagi e-Invois adakah boleh tulis secara manual kerana resit derma tidak sama dengan resit e-Invois?

Jawapan: Tempoh kelulusan boleh dicatatkan dalam e-Invois di medan *Description of Product or Service*.

Soalan 9: Adakah IOT wajib mengeluarkan resit untuk setiap derma yang diterima tanpa mengambil kira amaun derma yang diterima?

Jawapan: Resit rasmi perlu dikeluarkan sekiranya penderma memberikan maklumat yang lengkap.

Soalan 10: Jika penderma menderma melebihi RM10,000 tetapi penderma tidak perlukan e-Invois, hanya mahu resit cetak/ fizikal. Adakah pihak IOT boleh masukkan derma ini dalam *consolidated e-Invois*?

Jawapan:

Jika penderma tidak meminta e-Invois:

- IOT dikehendaki mengeluarkan resit rasmi (*preprinted*) subseksyen 44(6) ACP mengikut garis panduan yang dikeluarkan dan/ atau ketetapan mengikut kelulusan yang diberikan oleh KPHDN; dan
 - IOT menjumlahkan semua transaksi penerimaan derma atau hadiah wang secara bulanan dan menghantar e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.
-

14. RESIT RASMI

Soalan 1: Bolehkah yayasan menetapkan had derma contohnya derma lebih dari RM5000 baru diberi resit dan jika di bawah RM5000 resit tidak akan diberi?

Jawapan: Tidak Boleh. Penderma layak mendapat resit sekiranya semua maklumat penderma dikemukakan dengan lengkap tanpa mengira jumlah derma yang disumbangkan.

Soalan 2: Bolehkah sekiranya resit rasmi dicetak dalam hitam putih?

Jawapan: Resit rasmi boleh dicetak dalam hitam putih

Soalan 3: Nombor siri resit rasmi Resit rasmi subseksyen 44(6) ACP ditentukan oleh LHDNM atau IOT yang sendiri tentukan?

Jawapan: nombor siri resit ditentukan oleh IOT sendiri perlu pracetak (*preprinted*)/ nombor berturutan (*running number*).

Soalan 4: Bolehkah resit dikeluarkan tidak mengikut tarikh terima? Contoh, resit no.1 bertarikh 1 Julai tapi resit no.2 bertarikh 1 Jun, disebabkan penderma lambat beri butiran peribadi

Jawapan: Tidak boleh mengeluarkan resit rasmi sehingga butiran lengkap diterima. Resit hendaklah menggambarkan tarikh sebenar penerimaan derma dan disokong rekod butiran peribadi yang lengkap.

Soalan 5: Adakah boleh nombor resit biasa sama dengan nombor resit untuk subseksyen 44(6) ini? Adakah sesiapa sahaja boleh menandatangani resit tersebut?

Jawapan: Nombor resit biasa dan nombor resit potongan cukai di bawah subseksyen 44(6) perlu berbeza untuk mengelakkan sebarang kekeliruan. Orang yang layak menandatangani resit adalah Presiden/ Pengerusi/ Bendahari.

Soalan 6: Adakah resit rasmi oleh IOT dapat dikeluarkan secara digital?

Jawapan: Ya, resit rasmi IOT boleh dikeluarkan secara digital tetapi IOT perlu membuat permohonan kepada pihak HASiL dengan memberikan justifikasi yang berkaitan.

Soalan 7: Adakah resit mesti dikeluarkan kepada semua penderma walaupun tidak diminta oleh penderma?

Jawapan: Resit perlu dikeluarkan kepada semua penderma yang memberikan maklumat lengkap.

Soalan 8: AJK IOT yang membuat derma layak untuk pengecualian cukai? Resit boleh dikeluarkan?

Jawapan: Resit boleh dikeluarkan kepada AJK IOT yang memberikan derma tunai.

Soalan 9: Jenis kelulusan & sumbangan dibawah subseksyen 44(6) adalah tunai sahaja. Jika sumbangan selain tunai seperti kerusi roda, almari dan katil untuk kegunaan adalah tidak layak?

Jawapan: Hanya derma tunai sahaja layak untuk mendapat resit potongan cukai di bawah subseksyen 44(6) ACP. Sumbangan selain tunai seperti yang dinyatakan tidak layak mendapat resit potongan cukai, tetapi boleh diterima oleh IOT.

Soalan 10: Adakah resit yang terbatal perlu dikemukakan bersama-sama resit sah dan senarai penderma

Jawapan: Resit yang terbatal perlu disimpan bagi tujuan semakan pematuhan.

Soalan 11: Bagi IOT yang tidak melebihi *threshold* e-Invois, bolehkah IOT guna resit digital (tanpa guna e-Invois)?

Jawapan: Sekiranya jumlah pendapatan IOT tidak melebihi RM 1 juta, IOT adalah dikecualikan daripada pelaksanaan e-Invois. Bagi kategori IOT ini, penggunaan resit rasmi (*preprinted*) adalah masih terpakai. Untuk penggunaan resit digital, permohonan kepada pihak HASiL adalah perlu dengan memberikan justifikasi berkaitan.

Soalan 12: Adakah resit rasmi perlu dikeluarkan walaupun amaun derma adalah kecil?

Jawapan: Resit rasmi perlu dikeluarkan sekiranya penderma memberikan maklumat yang lengkap (tanpa mengira amaun derma kecil atau besar).

Soalan 13: Adakah yuran keahlian IOT (yang berdaftar dengan BHEUU) layak mendapat potongan di bawah 44(6)?

Jawapan: Tidak. Resit rasmi derma di bawah subseksyen 44(6) ACP hanya dikeluarkan untuk derma tunai sahaja kepada IOT yang diluluskan.

Soalan 14: Adakah pengeluaran resit wajib sekiranya penderma adalah dalam bentuk geran dari Menteri Kewangan (MOF)

Jawapan: Tidak wajib mengeluarkan resit.

Soalan 15: Pihak A menderma pada 31 Julai. Tempoh kelulusan tamat pada 31 Okt dan Yayasan masih dalam proses permohonan lanjutan. Adakah resit perlu menggunakan resit lama atau tunggu resit tempoh pengecualian baru?

Jawapan: Resit mestilah dikeluarkan berdasarkan tarikh penerimaan derma oleh Yayasan dalam tempoh kelulusan berkuat kuasa.

15. E-DERMA

Soalan 1: Bagaimanakah cara sebuah yayasan mendaftar akaun MyTax untuk membolehkan akses ke modul e-Derma, apakah dokumen sokongan yang diperlukan, dan siapakah yang layak mendaftar bagi pihak yayasan?

Jawapan: Prosedur pendaftaran dan pihak yang layak mendaftar boleh dirujuk di dalam Portal Rasmi HASiL (Semakan Kelulusan Derma > Perkhidmatan Atas Talian). Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan boleh diemelkan ke meja bantuan e-derma di ederma@hasil.gov.my

Soalan 2: Adakah setiap pertubuhan perlu menggunakan e-Derma?

Jawapan: e-Derma hanya terpakai kepada permohonan kelulusan ss44(6) ACP baharu sahaja.

Soalan 3: Sistem E-Derma terpakai untuk IOT baru atau turut terpakai untuk IOT yang telah mendapat kelulusan?

Jawapan: Buat masa ini sistem e-Derma terpakai untuk IO mengemukakan permohonan baharu sahaja. Bagi permohonan lanjutan, IOT boleh mengemukakan melalui Borang Maklumbalas Pelanggan (BMP) yang boleh di dapati di Portal HASiL.

Soalan 4: Cadangan Penambahbaikan: Di e-Derma atau portal haruslah sediakan contoh sesuatu dokumen yang diminta agar jelas kepada orang awam yang mungkin tidak begitu faham dokumen apa yang dimaksudkan.

Jawapan: IOT boleh merujuk senarai semak seperti di lampiran dalam Garis Panduan Bagi Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Di Bawah Subseksyen 44(6) ACP Bagi Institusi/ Organisasi/ Tabung (IOT) bertarikh 23 Oktober 2025 dan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

Soalan 5: Perbezaan portal e-derma dan portal hasil?

Jawapan:

Sistem e-derma adalah untuk tujuan permohonan baharu di bawah subseksyen 44(6) ACP bagi Institusi dan Organisasi sahaja pada masa kini manakala kemudahan atas talian melalui platform Portal HASiL adalah untuk urusan cukai seperti berikut:

- i-Pengemukakan permohonan lanjutan tempoh kelulusan subseksyen 44(6) ACP bagi IOT;
 - ii-Pengemukakan dokumen seperti Penyata Kewangan Beraudit, Borang Semakan Kendiri dan lain-lain bagi IOT; atau
 - iii-Pengemukakan pindaan maklumat seperti perlembagaan, pembelian aset dan lain-lain bagi IOT
-